

PERSEPSI ATLET PELAJAR: TINGKAH LAKU KEJURULATIHAN SUKAN BALAPAN DAN PADANG

Jasmine Ling Chiu Hung¹, Soh Kim Geok^{1*}, Othman Talib², and Aminuddin Yusof¹

¹ Jabatan Pengajian Sukan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

²Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

*Email: kims@upm.edu.my; kimgeoks@yahoo.com

(Received 14 June 2017; accepted 28 June 2017; published online 27 July 2017)

To cite this article: Hung, J. L. C., Geok, S. K., Talib, O., & Yusof, A. (2017). *Persepsi atlet pelajar: tingkah laku kejurulatihan sukan balapan dan padang. Movement, Health & Exercise, 6(2), 135-145.* <http://dx.doi.org/10.15282/mohe.v6i2.153>

Link to this article: <http://dx.doi.org/10.15282/mohe.v6i2.153>

Abstract

In the context of extending the knowledge of coaching in sports in Malaysia particularly in Sarawak, this study aimed to identify the perception of student athlete regarding to the coaching behavior, in addition to investigate the preferred coaching behavior as well as perceived coaching behavior by the student athlete of track and field sports from Sarawak state. This is a descriptive study that using equal-size groups in stratified sampling method. The study consisted of 252 respondents (male, $n = 126$; female, $n = 126$), who were secondary school student athletes aged between 13 to 18 years old and had represented their division for competition. Questionnaires Leadership Scale for Sport (LSS) developed by Chelladurai and Saleh (1980) was adapted and used as instrument for our research to measure five coaching behaviors. Based on the Sarawak state sport track and field student athletes perception on the coaching behavior, findings indicated that the preferred behavior by student athletes matched with the perceived coaching behavior of the coach. Study data demonstrated that Instruction and Training behavior ($M = 4.33$, $SP = 0.67$) as the most preferred ranking, followed by Positive Feedback behavior ($M = 4.14$, $SP = 0.74$). The findings of student athletes' perceptions to perceived coaching behavior that often existing on the coach is also Instruction and Training behavior ($M = 4.13$, $SD = 0.68$), followed by Positive Feedback behavior ($M = 3.89$, $SD = 0.75$). As the conclusion, perceptions of student athletes were not differed by gender, with both boys and girls indicated alike thoughts in their preferred coaching behavior as well as perceived coaching behavior, which was Instruction and Training behavior.

Keywords: Preferred coaching behavior, perceived coaching behavior, coaching style, athlete perception

Abstrak


Dalam konteks mendalami pengetahuan kejurulatihan dalam sukan di Malaysia khususnya di Sarawak, kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi atlet pelajar terhadap tingkah laku kejurulatihan, di samping mengenal pasti tingkah laku kejurulatihan yang diingini oleh atlet pelajar serta tingkah laku yang sedia ada pada kejurulatihan sukan balapan dan padang negeri Sarawak. Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata mengikut saiz kumpulan sama (*equal-size groups in stratified sampling*). Responden kajian terdiri daripada 252 orang atlet pelajar sekolah menengah (lelaki, $n = 126$; perempuan, $n = 126$) yang berumur 13 hingga 18 tahun dan pernah mewakili bahagian masing-masing dalam pertandingan. Soal selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan (LSS) yang dibangunkan oleh Chelladurai dan Saleh (1980) telah diadaptasi dan digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengukur 5 tingkah laku kejurulatihan. Berdasarkan persepsi atlet pelajar sukan balapan dan padang Sarawak terhadap tingkah laku kejurulatihan, didapati bahawa tingkah laku yang diingini oleh atlet pelajar adalah sama dengan tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada pada jurulatih. Kajian mendapati bahawa tingkah laku yang diingini oleh atlet pelajar mengikut keutamaan adalah tingkah laku Arahan dan Latihan ($M = 4.33$, $SP = 0.67$), diikuti oleh tingkah laku Maklum Balas Positif ($M = 4.14$, $SP = 0.74$). Dapatan persepsi atlet pelajar terhadap tingkah laku yang kerap sedia ada pada jurulatih pula adalah tingkah laku arahan dan latihan ($M = 4.13$, $SP = 0.68$), diikuti tingkah laku maklum balas positif ($M = 3.89$, $SP = 0.75$). Secara kesimpulannya, didapati bahawa persepsi atlet terhadap tingkah laku kejurulatihan adalah tidak berbeza dari segi jantina, kedua-dua atlet lelaki dan perempuan menyatakan pandangan yang serupa dalam tingkah laku kejurulatihan yang diingini dan tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada pada jurulatih, iaitu tingkah laku Arahan dan Latihan.

Keywords: Tingkah laku yang diingini, tingkah laku yang sedia ada, gaya kepimpinan, persepsi atlet

Pendahuluan

Jurulatih yang baik, berwibawa dan berkualiti adalah mustahak untuk melahirkan seseorang atlet yang cemerlang dalam acara masing-masing. Jurulatih mempunyai pengaruh yang kuat terhadap seseorang atlet, sama ada dari segi suasana latihan, sikap mahupun emosi atlet-atletnya untuk mencapai kemajuan prestasi (Ahmad, 2007). Perancangan dan pelaksanaan latihan seseorang jurulatih boleh memenuhi permintaan atlet dan meningkatkan prestasi atlet dalam acara sukan yang terlibat. Keadaan ini adalah sama dengan pandangan Feltz, Chase, Moritz dan Sullivan (1999) yang telah mengemukakan Model Keberkesanan Kejurulatihan yang mengatakan bahawa tingkah laku seseorang jurulatih mempunyai banyak kesan langsung ke atas atlet yang di bawah jagaannya.

Chelladurai dan Saleh (1980) telah mengatakan bahawa tingkah laku kepimpinan yang menghasilkan prestasi atlet adalah fungsi bagi tiga aspek yang berinteraksi dengan tingkah laku pemimpin. Di antaranya adalah (a) jenis tingkah laku jurulatih yang diperlukan oleh atlet; (b) jenis tingkah laku yang sebenar dipamerkan oleh jurulatih atau pemimpin; dan (c) jenis tingkah laku jurulatih atau pemimpin yang diinginkan dalam sesuatu keadaan (lihat Rajah 1). Setiap satu tingkah laku ini bergantung kepada perspektif dan kemahuan setiap individu. Apabila dilihat ke dalam ketiga-tiga tingkah laku ini, tingkah laku yang diperlukan merujuk kepada perilaku yang dikehendaki dalam sesuatu situasi tertentu sahaja. Perilaku ini dipengaruhi oleh ciri-ciri situasi dan keadaan dalam sukan (Chelladurai, 2007). Tingkah laku yang sebenar pula adalah cara seseorang jurulatih bertindak ke atas atlet berdasarkan perilaku jurulatih itu sendiri (Chelladurai & Carron, 1978). Manakala, tingkah laku yang diinginkan pula berlaku disebabkan kedua-dua situasi (yang diperlukan dan yang sebenarnya) oleh ahli-ahli dalam pasukan (Chelladurai, 1990).



Rajah 1: Model Multidimensi Kepimpinan
Sumber: Chelladurai and Saleh (1980)

Berdasarkan ciri-ciri yang ditunjukkan dalam model, Chelladurai (1990) menjelaskan bahawa keberkesanan tingkah laku kejurulatihan berpunca daripada situasi perwatakan ahli dalam kumpulan, dan perwatakan jurulatih dalam menangani atletnya bagi mencapai matlamat pasukan. Dalam situasi (pasukan atau persekitarannya; contohnya matlamat pasukan, struktur organisasi pasukan, norma-norma sosial dan nilai budaya) yang memerlukan seseorang jurulatih menjaga tingkah lakunya dalam melatih atlet dan pasukan. Perwatakan setiap ahli (contohnya umur dan jantina) juga mempengaruhi tingkah laku jurulatih mengikut model tersebut. Situasi ini jelas menerangkan seseorang jurulatih seharusnya memerhatikan persekitaran atau suasana di mana mereka menjalankan tugas mereka setiap hari dan memerhatikan setiap atlet di bawah jagaannya. Melalui keadaan persekitaran, perwatakan setiap atlet akan mempengaruhi tingkah laku jurulatih yang diinginkan (Chelladurai, 1993). Dalam keadaan ini, tingkah laku

jurulatih yang sangat prihatin adalah amat diperlukan bagi mengoptimumkan kejayaan atlet.

Berdasarkan kajian-kajian lampau, didapati bahawa tingkah laku jurulatih di Malaysia adalah kurang dikaji (Institut Sukan Negara, 2014; Soh, Wazir, & Chee, 2014). Ramai pengkaji telah mengendalikan pelbagai kajian yang berkaitan dengan motivasi, latihan serta arahan dan pencapaian (Kaynaka, Canb, Kirandic, & Boz, 2014; Martin, Dale, & Jackson, 2001; Samah, Adekalu, Omar, & Ismail, 2013; Samah, Omar, & Osman, 2015; Shokri, Viladrich, Cruz, & Alcaraz, 2014). Situasi ini turut memberikan satu maklumat bahawa tingkah laku jurulatih sering kurang diambil kira sebagai satu perkara yang perlu dititikberatkan dalam program kejurulatihan. Justeru, informasi berkenaan dengan jenis tingkah laku yang diinginkan oleh atlet dan adakah keinginan ini berbeza bagi atlet yang berlainan jantina adalah terhad. Tambahan pula, limitasi dari segi informasi berkenaan dengan persepsi atlet terhadap jenis tingkah laku jurulatih mereka yang sedia ada sekarang berdasarkan jantina juga adalah kabur. Dalam hal ini, kajian ini menerokai jurang dalam kesusasteraan dengan mengkaji persoalan kajian iaitu apakah tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang yang diinginkan oleh atlet dan sedia ada mengikut jantina di negeri Sarawak? Dan adakah terdapat kesepaduan dari segi tingkah laku jurulatih yang sedia ada dengan yang diinginkan oleh atlet sukan balapan dan padang mengikut jantina di negeri Sarawak?

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan persampelan rawak berstrata mengikut saiz kumpulan sama (*equal-size groups in stratified sampling*). Dua ratus lima puluh dua (252) orang responden (lelaki, $n = 126$; perempuan, $n = 126$) telah dipilih daripada kalangan atlet pelajar sukan balapan dan padang negeri Sarawak yang berumur 13 hingga 18 tahun. Kesemua atlet yang terpilih ini mempunyai sekurang-kurangnya pengalaman telah mewakili bahagian masing-masing dalam pertandingan. Instrumen Soal Selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan versi persepsi atlet terhadap tingkah laku jurulatih (*Leadership Scale for Sports version athlete's perception of coach's behaviour*) telah diadaptasi dan diguna pakai dalam kajian ini untuk mengukur persepsi atlet pelajar terhadap tingkah laku kejurulatihan yang diinginkan dan yang sedia ada. Instrumen ini mengandungi 40 item yang menguji lima dimensi tingkah laku kejurulatihan jurulatih.

Berdasarkan *Manual for Leadership Scale of Sport* (Chelladurai & Saleh, 1980), konstruk kelima-lima dimensi Skala Kepimpinan untuk Sukan telah diringkaskan kepada 5 dimensi. Ringkasan penerangan kelima-lima dimensi yang berkenaan adalah seperti dalam Jadual 1. Skala lima *Likert*, di mana “1” = “tidak pernah”, “2” = “jarang”, “3” = “sekali sekala”, “4” = “seringkali” dan “5” = “selalu” telah digunakan untuk pengukuran setiap item. Skor yang tinggi menunjukkan jenis gaya tingkah laku kejurulatihan yang paling kerap ditunjukkan, dan sebaliknya. Statistik deskriptif yang melibatkan pengiraan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai telah digunakan dalam kajian ini.

Jadual 1: Lima Dimensi Soal Selidik Kepimpinan untuk Sukan (LSS)

	Dimensi	Penerangan Dimensi	contoh item
1	Tingkah laku arahan dan latihan	Jurulatih melatih individu dengan mengutamakan prestasi tugas termasuk mutlak (<i>absolute</i>), prestasi, peningkatan dalam prestasi dan pencapaian matlamat.	memastikan atlet mempersembahkan yang terbaik
2	Tingkah laku demokratik	Jurulatih melibatkan atletnya dalam membuat keputusan bagi mencapai matlamat, pendekatan latihan dan taktik serta strategi dalam permainan.	membenarkan atlet berkongsi pendapat dalam mengambil keputusan
3	Tingkah laku autokratik	Jurulatih berkuasa mutlak atas segala tindakan. Jurulatih membuat keputusan sendiri untuk mencapai keputusan yang diinginkan.	tidak menerangkan tindakan yang diambil
4	Tingkah laku sokongan sosial	Jurulatih mewujudkan suasana mesra, muhibah dan persaudaraan demi kebajikan pemain.	menolong atlet yang mempunyai masalah peribadi
5	Tingkah laku maklum balas positif	Jurulatih mesra dan memberi penghargaan ke atas prestasi baik yang ditunjukkan oleh pemain.	memuji persembahan baik seorang atlet di depan atlet lain

Sumber: *Manual for Leadership Scale of Sport* (Chelladurai & Saleh, 1980)

Kelulusan jawatankuasa etika Universiti Putra Malaysia telah diperoleh sebelum kajian ini dijalankan (UPM/TNCPI/RMC/1.4.18.1(JKEUPM)/F2). Soal selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan telah ditadbirkan dalam pelbagai situasi persekitaran seperti dalam bilik darjah, gimnasium, tempat berlatih, dan sekolah. Responden diminta untuk menjawab dengan jujur kepada setiap item untuk menilai tingkah laku kejurulatihan jurulatih mereka. Kerahsiaan amat ditekankan supaya atlet pelajar berasa lebih selesa dan telus semasa memberikan maklum balas mereka. Mana-mana responden yang ingin mengetahui hasil jawapan maklum balasnya, mereka boleh berhubung terus dengan penyelidik menerusi nombor telefon dan alamat yang disediakan. Semua data penyelidikan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 21.0. Data dapatan dianalisis berdasarkan soalan kajian yang dikemukakan.

Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis tingkah laku kejurulatihan yang diinginkan didapati bahawa semua atlet pelajar Sarawak sukan balapan dan padang lebih mengingini jurulatih mereka mengenalkan tingkah laku arahan dan latihan berbanding dengan tingkah laku kejurulatihan lain (lihat Jadual 2). Hal ini dibuktikan dengan analisis min kelima-lima tingkah laku kejurulatihan yang menunjukkan bahawa tingkah laku arahan dan latihan merupakan tingkah laku yang paling diinginkan ($M = 4.33$, $SP = 0.67$); kedua, tingkah laku maklum balas positif ($M = 4.14$, $SP = 0.74$); ketiga, tingkah laku demokratik ($M = 4.11$, $SP = 0.68$); keempat, tingkah laku sokongan sosial ($M = 3.81$, $SP = 0.73$); dan, paling tidak diinginkan tingkah laku autokratik ($M = 3.41$, $SP = 0.65$). Ini menunjukkan bahawa tingkah laku arahan dan latihan mendominasi tingkah laku kejurulatihan yang diinginkan oleh seluruh atlet pelajar Sarawak sukan balapan dan padang.

Jadual 2: Min tingkah laku kejurulatihan sukan balapan dan padang yang diingini oleh atlet pelajar Sarawak

Tingkah Laku yang diingini	Atlet Lelaki (N=126)		Atlet Perempuan (N=126)		Semua Atlet (N=252)	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP
Arahan dan latihan	4.39	0.56	4.28	0.77	4.33	0.67
Maklum balas positif	4.20	0.63	4.07	0.84	4.14	0.74
Demokratik	4.14	0.57	4.07	0.77	4.11	0.68
Sokongan Sosial	3.92	0.68	3.69	0.76	3.81	0.73
Autokratik	3.47	0.65	3.36	0.64	3.41	0.65

Merujuk Jadual 2, dari segi persepsi menurut jantina, dapatan menunjukkan bahawa atlet pelajar lelaki, dan atlet pelajar perempuan sama-sama paling suka dan ingin jurulatih mereka bertingkah laku arahan dan latihan ($M_{\text{lelaki}} = 4.39$, $SP = 0.56$; $M_{\text{perempuan}} = 4.28$, $SP = 0.77$), kemudian adalah tingkah laku maklum balas positif ($M_{\text{lelaki}} = 4.20$, $SP = 0.63$; $M_{\text{perempuan}} = 4.07$, $SP = 0.84$), ketiga tingkah laku demokratik ($M_{\text{lelaki}} = 4.14$, $SP = 0.57$; $M_{\text{perempuan}} = 4.07$, $SP = 0.77$), keempat tingkah laku sokongan sosial ($M_{\text{lelaki}} = 3.92$, $SP = 0.68$; $M_{\text{perempuan}} = 4.07$, $SP = 0.77$) dan akhir sekali tingkah laku autokratik ($M_{\text{lelaki}} = 3.47$, $SP = 0.65$; $M_{\text{perempuan}} = 3.36$, $SP = 0.64$). Jadual 2 menunjukkan dapatan analisis deskriptif tentang tingkah laku kejurulatihan sukan balapan dan padang yang diingini oleh atlet pelajar Sarawak.

Bagi persoalan kajian kedua iaitu untuk mengenal pasti tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang yang sedia ada daripada persepsi atlet mengikut jantina di negeri Sarawak. Analisis data dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa tingkah laku kejurulatihan yang paling kerap wujud dan sedia ada ialah tingkah laku arahan dan latihan ($M = 4.13$, $SP = 0.68$); kedua, tingkah laku maklum balas positif ($M = 3.89$, $SP = 0.75$); ketiga, tingkah laku demokratik ($M = 3.82$, $SP = 0.74$); keempat, tingkah laku sokongan sosial ($M = 3.53$, $SP = 0.75$); dan, kelima tingkah laku autokratik ($M = 3.34$, $SP = 0.61$). Dapatan ini menunjukkan tingkah laku arahan dan latihan mendominasi tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada pada jurulatih Sarawak menurut persepsi semua atlet pelajar sukan balapan dan padang.

Jadual 3: Min persepsi atlet pelajar terhadap tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada

Tingkah Laku yang sedia ada	Atlet Lelaki (N=126)		Atlet Perempuan (N=126)		Semua Atlet (N=252)	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP
Arahan dan latihan	4.17	0.57	4.10	0.78	4.13	0.68
Maklum balas positif	3.92	0.65	3.86	0.85	3.89	0.75
Demokratik	3.84	0.66	3.81	0.81	3.82	0.74
Sokongan Sosial	3.64	0.71	3.43	0.77	3.53	0.75
Autokratik	3.34	0.65	3.34	0.58	3.34	0.61

Analisis data tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada pada jurulatih berdasarkan persepsi atlet pelajar mengikut jantina menunjukkan bahawa kedua-dua jantina atlet pelajar lelaki dan atlet pelajar perempuan sama-sama berpendapat bahawa tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada kerap wujud pada jurulatih mereka adalah tingkah laku

arahan dan latihan ($M_{\text{lelaki}} = 4.17, SP = 0.57; M_{\text{perempuan}} = 4.10, SP = 0.78$). Dapatan kajian kelima-lima tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada juga mendapati bahawa terdapat empat tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada berada pada bawah min 4.0 iaitu tingkah laku maklum balas positif ($M_{\text{lelaki}} = 3.92, SP = 0.65; M_{\text{perempuan}} = 3.86, SP = 0.85$); tingkah laku demokratik ($M_{\text{lelaki}} = 3.84, SP = 0.65; M_{\text{perempuan}} = 3.86, SP = 0.81$); tingkah laku sokongan sosial ($M_{\text{lelaki}} = 3.64, SP = 0.71; M_{\text{perempuan}} = 3.34, SP = 0.77$) dan tingkah laku autokratik ($M_{\text{lelaki}} = 3.34, SP = 0.65; M_{\text{perempuan}} = 3.34, SP = 0.58$). Ini menunjukkan tingkah laku kejurulatihan arahan dan latihan seringkali wujud pada jurulatih Sarawak sukan balapan dan padang, manakala tingkah laku kejurulatihan maklum balas positif, tingkah laku demokratik, tingkah laku sokongan sosial, dan tingkah laku autokratik hanya sekali sekala wujud dan sedia ada pada jurulatih Sarawak sukan balapan dan padang.

Perbincangan

Kajian ini mengenal pasti tingkah laku yang diinginkan oleh atlet pelajar Sarawak sukan balapan dan padang, iaitu tingkah laku arahan dan latihan, tingkah laku maklum balas positif, tingkah laku demokratik, tingkah laku sokongan sosial, dan akhir sekali tingkah laku autokratik. Dapatan kajian ini didapati adalah sejajar dengan kajian-kajian lampau, iaitu tingkah laku arahan dan latihan diikuti tingkah laku maklum balas positif telah mendominasi tingkah laku jurulatih yang diinginkan oleh atlet pelajar di negeri Sarawak (Crust & Azadi, 2009; Embi, 2011; Kravig, 2003; Lorimer & Jowett, 2009; Pilus & Saadan, 2009). Keadaan ini berpunca daripada aspek praktikal iaitu sepanjang latihan dalam sukan balapan dan padang, jurulatih dan atlet pelajar telah mengambil masa membina hubungan yang rapat serta berinteraksi di bawah pemindahan pengetahuan jurulatih kepada atlet. Secara tidak langsung, atlet pelajar berhasrat mendapat lebih banyak maklum balas daripada jurulatihnya semasa arahan teknikal diberi.

Berdasarkan analisis deskriptif kajian ini bagi taburan tingkah laku jurulatih yang diinginkan oleh atlet pelajar, atlet pelajar lelaki dan perempuan sama-sama menginginkan jurulatih mereka menunjukkan tingkah laku arahan dan latihan diikuti tingkah laku maklum balas positif dan tingkah laku demokratik, tingkah laku sokongan sosial, dan tingkah laku autokratik. Dapatan ini konsisten dengan penjelasan Sullah, Tan, dan Ismail (2014) yang membincangkan isu gaya kepimpinan jurulatih sukan bola sepak Malaysia. Kajian tersebut juga melaporkan bahawa faktor yang mempengaruhi kejayaan ialah proses yang melibatkan keupayaan jurulatih berinteraksi dan memindahkan pengetahuannya kepada atlet. Sebenarnya, atlet pelajar sukan balapan dan padang yang bersama dengan jurulatih sepanjang latihan dan pertandingan, faham bahawa jurulatihnya mempunyai tugas untuk melatih atlet supaya memenangi pertandingan. Kesedaran ini menyebabkan atlet pelajar menginginkan jurulatih mereka berusaha memperbaiki prestasi mereka melalui komunikasi semasa latihan serta membetulkan kemahiran dan taktik yang berterusan. Mereka juga berharap jurulatih boleh memberi latihan dan arahan yang mencukupi kepada mereka seperti memastikan mereka mempersembahkan prestasi yang terbaik.

Berdasarkan hasil analisis deskriptif, selain latihan dan arahan daripada jurulatih, untuk memenuhi tahap prestasi bagi atlet pelajar, mereka juga perlu memenuhi kualiti yang diperlukan seperti maklum balas positif. Hal ini turut dijelaskan oleh Ericsson (2009) dalam penjelasan tahap prestasi atlet. Sehubungan dengan itu, atlet pelajar berharap jurulatihnya sentiasa menggunakan pendekatan yang mesra, berusaha memberi semangat dan sokongan serta penghargaan ke atas pencapaian baik yang ditunjukkan. Permintaan maklum balas positif ini seolah-olah menjadi prasyarat penting untuk menggalakkan hubungan jurulatih-atlet yang positif dan sihat. Dengan itu, atlet pelajar mengharapkan campuran tingkah laku arahan dan latihan serta maklum balas positif daripada jurulatih mereka (Moen & Sandstad, 2013).

Kajian ini juga menunjukkan daripada persepsi atlet pelajar sukan balapan dan padang Sarawak terhadap tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada pada jurulatihnya adalah tingkah laku latihan dan arahan. Dapatan ini bersepadu dengan hasil dapatan tingkah laku yang diinginkan oleh atlet pelajar Sarawak. Fenomena ini menunjukkan tingkah laku sedia ada pada jurulatih Sarawak sukan balapan dan padang telah sepadan dengan keinginan dan pilihan atlet pelajar Sarawak. Hal ini turut dijelaskan oleh Sullah, Tan, dan Ismail (2014) bahawa kejurulatihan sentiasa wujud secara dua hala iaitu jurulatih sentiasa mempengaruhi atlet dan atlet juga sedikit sebanyak mempengaruhi jurulatih. Dapatan kajian ini juga sejajar dengan dapatan Crust dan Azadi (2009), Jambor dan Zhang (1997), dan Kidane, Reddy, dan Babu (2013) yang melaporkan tingkah laku yang mendapat maklum balas terbanyak merupakan dari jenis latihan dan arahan. Sebagaimana yang dilaporkan bahawa jurulatih dapat menerangkan teknik dan taktik kepada setiap atlet, memberi pemerhatian khas dalam membetulkan kesilapan, merangka rancangan yang hendak dilakukan, memastikan atlet mendapat pengiktirafan untuk prestasi yang baik dan memberi ganjaran yang sepatutnya atas pencapaian.

Hasil analisis kajian ini dijelaskan oleh West (2016) bahawa seseorang pemimpin yang baik akan menunjukkan jenis tingkah laku yang sesuai dengan penyediaan pengikutnya. Bagi atlet pelajar sukan balapan dan padang yang sentiasa berada dalam persekitaran yang berubah-ubah, tingkah laku latihan dan arahan yang positif akan menjadi faktor yang paling penting (Riemer & Toon, 2001). Maka, jurulatih harus menunjukkan keutamaan yang lebih tinggi bagi tingkah laku arahan dan latihan serta tingkah laku maklum balas berbanding dengan tingkah laku demokratik, tingkah laku sokongan sosial atau tingkah laku autokratik. Sebagaimana dijelaskan oleh Crust dan Azadi (2009), individu yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi adalah lebih berkemampuan menghadapi kesukaran atau cabaran tanpa bergantung pada orang lain. Dalam hal berkaitan, didapati bahawa kesemua responden yang dipilih sebagai subjek dalam kajian ini merupakan atlet sukan balapan dan padang yang sekurang-kurangnya telah mewakili daerah. Justeru, atlet ini umumnya memiliki tahap keyakinan diri yang lebih tinggi berbanding dengan atlet biasa yang tidak mewakili mana-mana daerah atau negeri. Dengan ini, tingkah laku arahan dan latihan serta tingkah laku maklum balas positif adalah amat diperlukan dan diutamakan oleh jurulatih supaya jurulatih lebih memahami keperluan dan permintaan atlet yang di bawah jagaannya.

Hasil analisis kajian ini konsisten dengan dapatan Lorimer dan Jowett (2009). Kedua-dua penyelidik ini bersetuju bahawa jurulatih perlu mewujudkan lebih banyak maklum balas

semasa arahan dan latihan diberikan. Lorimer dan Jowett (2009) juga melaporkan jurulatih perlu peka dengan isyarat visual dan maklum balas bukan lisan dalam proses latihan. Keadaan ini membolehkan jurulatih mentafsir fikiran dan perasaan atlet mereka dengan lebih berkesan. Dengan ini, kewujudan tingkah laku arahan dan latihan serta tingkah laku maklum balas positif pada jurulatih sukan balapan dan padang telah menjadi suatu keperluan yang penting dalam proses latihan kerana ianya dapat membantu jurulatih membantu menyelesaikan masalah dalam kalangan atlet dengan efisien. Keadaan ini sudah pasti dapat membantu meningkatkan prestasi atlet di masa hadapan.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian mendapati bahawa tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang yang diinginkan oleh atlet mengikut jantina di negeri Sarawak adalah tingkah laku Arahan dan Latihan, manakala persepsi atlet pelajar terhadap tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada pada jurulatih sukan balapan dan padang di negeri Sarawak juga adalah tingkah laku Arahan dan Latihan. Dalam hal ini, didapati bahawa kedua-dua tingkah laku kejurulatihan yang diinginkan dan tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada dari segi persepsi atlet adalah sepadan. Kesepadanan ini menunjukkan bahawa apa yang dimahukan oleh atlet sukan balapan dan padang di negeri Sarawak dipraktiskan oleh jurulatih mereka. Keadaan ini sudah pastinya akan mewujudkan suasana yang harmoni dalam hubungan antara atlet dan jurulatih di Sarawak kerana cara atlet ini dilatih adalah sesuai dengan keinginan mereka. Senario ini sudah pastinya dapat menyumbang ke arah peningkatan prestasi sukan balapan dan padang di Negeri Sarawak. Kejayaan yang dicapai dalam sukan balapan dan padang di Negeri Sarawak (juara keseluruhan) jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia berkemungkinan besar berpunca dari segi kesepaduan ini. Bagi kajian akan datang dicadangkan agar cuba menerokai kajian di negeri lain atau acara sukan yang berlainan. Selain itu, kajian ini juga boleh dilanjutkan untuk melihat hubungan di antara tingkah laku kejurulatihan dengan kepuasan atlet atau pencapaian atlet. Keadaan ini akan membolehkan hubungan yang wujud di antara jurulatih dan atlet dikupas dan dikaji dengan lebih mendalam lagi.

Rujukan

- Ahmad, H. G. (2007). *Kejurulatihan dan Sains Sukan* (Edisi Pertama). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Chelladurai, P. (1990). Leadership in sports: A review. *International Journal of Sport Psychology*, 21, 328 - 354.
- Chelladurai, P. (1993). Leadership. *Handbook of research in sport psychology*. New York: Macmillan.
- Chelladurai, P. (2007). Leadership in sports. *The handbook of sport psychology* (3rd ed.). New York: Wiley.

- Chelladurai, P. & Carron, A. V. (1978). *Leadership*. Ottawa, Canada: Canadian Association of Health, Physical Education and Recreation.
- Chelladurai, P. & Saleh, S. D. (1978). Preferred leadership in sports. *Canadian Journal of Applied Sport Sciences*, 3, 85-92.
- Chelladurai, P. & Saleh, S. D. (1980). Dimensions of leader behavior in sports: Development of a leadership scale. *Journal of Sport Psychology*, 2, 34-45.
- Crust, L. & Azadi, K. (2009). Leadership preferences of mentally tough athletes. *Personality and Individual Differences*, 47, 326 - 330.
- Embi, M. Z. B. (2011). *Hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan bersepadu pemain bola sepak Majlis Sukan Sekolah Negeri Selangor*. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Ericsson, K. A. (2009). *Development of professional expertise: Toward measurement of expert performance and design of optimal learning environment*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Feltz, D. L., Chase, M. A., Moritz, S. E., & Sullivan, P. J. (1999). A conceptual model of coaching efficacy: Preliminary investigation and instrument development. *Journal of Educational Psychology*, 91(4), 765-776.
- Institut Sukan Negara (2014). Research Committee Report: 2012 - 2013. Kuala Lumpur: Institut Sukan Negara.
- Jambor, E. & Zhang, J. (1997). Investigating leadership, gender, and coaching level using the revised leadership for sport scale. *Journal of Sport Behavior*, 20(3), 313-321.
- Jowett, S., & Poczwardowski, A. (2007). Understanding the coach-athlete relationship. *Social Psychology in Sport*, 3-14.
- Kaynaka, K., Canb, Y., Kirandic, O., & Boz, M. (2014). Examination of the relationship between role satisfaction and achievement motivation among players: A research on veteran national players. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 152, 465-469.
- Kidane, W. W., Reddy, R. C., & Babu, M. S. (2013). Players satisfaction and coaches' coaching behavior in the case of Ethiopian National Soccer Team. *Journal of Research in Commerce & Management*, 2(5), 122-133.
- Kravig, S. D. (2003). *Coaching behavior preferences of interscholastic athletes*. (Master of science), Univeristy of North Texas.

- Lorimer, R. & Jowett, S. (2009). Empathic accuracy, meta-perspective, and satisfaction in the coach-athlete relationship. *Journal of Applied Sport Psychology, 21*, 201-212.
- Martin, S. B., Dale, G. A., & Jackson, A. W. (2001). Youth coaching preferences of adolescent athletes and their parents. *Journal of Sport Behavior, 24*, 197-212.
- Moen, F. & Sandstad, H. (2013). Subjective expectations among athletes about coaches in sport. *Journal of Human Subjectivity, 11*, 135-155.
- Pilus, A. H. M., & Saadan, R. (2009). Coaching leadership styles and athlete satisfactions among hockey team. *Journal of Human Capital Development, 2*, 77-87.
- Riemer, H. A. & Toon, K. (2001). Leadership and satisfaction in tennis: Examination of congruence, gender, and ability. *Research Quarterly for Exercise and Sport, 72*(3), 243-256.
- Samah, I. H. A., Adekalu, S. O., Omar, Z., & Ismail, I. A. (2013). Influence of coaches' behavior on athletes' motivation: Malaysian sport archery experience. *International Journal of Research in Management, 5*(3), 136-142.
- Samah, I. H. A., Omar, Z., & Osman, A. (2015). An investigation of athletes' satisfaction towards teammates and its relationship with athletes' intrinsic motivation. *International Journal of Science: Basic and Applied Research (IJSBAR), 20*(1), 349-355.
- Shokri, A., Viladrich, C., Cruz, J., & Alcaraz, S. (2014). Adapting BRSQ to assess coach's perception of athletes' motivation: Internal structure analysis. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, 159*, 497-505.
- Soh, K. G., Wazir, M. R., & Chee, C. S. (2014). *Kajian sukan di Malaysia* (Jilid 2). Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sullah, A., Tan, C. H., & Ismail, S. (2014). Preferred coaches leadership styles of Malaysian football teams. *International Colloquium on Sports Science, Exercise, Engineering and Technology*. doi: 10.1007/978-981-287-107-7_64
- West, L. (2016). *Coach-athlete communication: Coaching style, leadership characteristics and psychological outcomes*. (Masters of Education in Human Movement Sport and Leisure Studies, Masters Projects.), Bowling Green State University. (Paper 16).